



# PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

(Agensi Di Bawah Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Malaysia)

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh lantikan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia:-

BIL.	JAWATAN	GRED
1.	PEGAWAI EHWAL EKONOMI	E41
2.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41
3.	JURUAUDIT	W41
4.	PEMBANTU MAKMAL	C17
5.	PEMBANTU EHWAL EKONOMI	E17
6.	PELUKIS PELAN	J17
7.	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN	N17
8.	PEMBANTU MUZIUM	S17
9.	PEMBANTU AKAUNTAN	W17
10.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11
11.	PEKERJA AWAM	R1
12.	TUKANG K3	R9

**CARA MEMOHON:** Permohonan jawatan dan syarat permohonan boleh didapati dengan melayari laman web Kementerian Sumber Manusia [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my)

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan di talian 03-2162 7459 samb. 245 (Puan Mariam) dan samb. 187 (Cik Nur Syahirah)

**TARIKH TUTUP :** Tarikh tutup permohonan ialah pada **2 OKTOBER 2010 (SABTU)**.

1.	Jawatan	:	<b>PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E41</b>
	Klasifikasi	:	<b>Perkhidmatan Ekonomi</b>
	Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>Pengurusan Dan Profesional</b>
	Jadual Gaji Matrik	:	<b>P1T1 RM 1693.06 - P1T27 RM 4643.06</b> <b>P2T1 RM 1787.68 - P2T27 RM 4921.33</b> <b>P3T1 RM 1886.48 - P3T27 RM 5223.40</b>

### Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : P1T3);

dan (b) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**[KEUTAMAAN DIBERI KEPADA CALON YANG MEMILIKI IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) DALAM BIDANG SAINS KEMANUSIAAN].**

### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai EHWAL Ekonomi adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Kraftangan Malaysia berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai EHWAL Ekonomi Gred E41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

2.	<b>Jawatan</b>	:	<b>PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>
	<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Perkhidmatan Sistem Maklumat</b>
	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Pengurusan dan Profesional</b>
	<b>Jadual Gaji Matrik</b>	:	<b>P1T1 RM 1899.01 - P1T25 RM 4715.47</b> <b>P2T1 RM 1955.02 - P2T25 RM 4988.08</b> <b>P3T1 RM 2095.21 - P3T25 RM 5284.57</b>

### Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a)
    - (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T1); atau**
    - (ii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T3); atau**
    - (iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T6).**
  - dan (b) **lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan)** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
**(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang Multimedia Penerbitan dan mahir menggunakan perisian 2D, 3D, Audio Dan Video serta Grafik)**

### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

1. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Kraftangan Malaysia untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) di atas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

3.	<b>Jawatan</b>	:	<b>JURUAUDIT GRED W41</b>
	<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Perkhidmatan Kewangan</b>
	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Pengurusan dan Profesional</b>
	<b>Jadual Gaji Matrik</b>	:	<b>P1T1 RM 1702.81 - P1T27 RM 4688.95</b> <b>P2T1 RM 1798.82 - P2T27 RM 4968.61</b> <b>P3T1 RM 1899.01 - P3T27 RM 5255.39</b>

### Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a)
      - (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T3); atau
      - (ii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T8); atau
      - (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T8); atau
      - (iv) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T9); atau
      - (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T10); atau

( Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan 1 (a) (iii) dan (iv) di atas adalah seperti di Rujukan W)
- dan
- (b) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

2.

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Kraftangan Malaysia berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, **apabila telah disahkan dalam perkhidmatan** dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4.	Jawatan	:	<b>PEMBANTU MAKMAL GRED C17</b>
	Klasifikasi	:	<b>Perkhidmatan Sains</b>
	Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>Sokongan</b>
	Jadual Gaji Matrik	:	<b>P1T1 RM 824.91 - P1T24 RM 2155.88</b> <b>P2T1 RM 876.34 - P2T24 RM 2277.03</b> <b>P3T1 RM 929.28 - P3T24 RM 2402.48</b>

### Syarat Lantikan

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat Peperiksaan tersebut;
- dan
  - (a) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(Keutamaan akan diberi kepada calon daripada Aliran Sains dan Kepujian dalam Subjek Fizik, Kimia dan Biologi).**

<b>5.</b>	<b>Jawatan</b>	:	<b>PEMBANTU EHWAL EKONOMI GRED E17</b>
	<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Perkhidmatan Ekonomi</b>
	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Sokongan</b>
	<b>Jadual Gaji Matrik</b>	:	<b>P1T1 RM 821.89 - P1T24 RM 2152.86</b> <b>P2T1 RM 873.32 - P2T24 RM 2274.01</b> <b>P3T1 RM 926.26 - P3T24 RM 2399.46</b>
<p><b>Syarat Lantikan</b></p> <p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>dan (b) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>			

<b>6.</b>	<b>Jawatan</b>	:	<b>PELUKIS PELAN GRED J17</b>
	<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Kejuruteraan</b>
	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Sokongan</b>
	<b>Jadual Gaji Matrik</b>	:	<b>P1T1 RM 843.06 - P1T26 RM 2325.37</b> <b>P2T1 RM 896.00 - P2T26 RM 2452.46</b> <b>P3T1 RM 950.45 - P3T26 RM 2583.95</b>
<p><b>Syarat Lantikan</b></p> <p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Seni Lukis atau Lukisan Geometri pada peringkat peperiksaan tersebut;</p> <p>dan (b) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p><b>(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mempunyai Sijil Pelukis Pelan).</b></p>			

7.	Jawatan	:	<b>PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17</b>
	Klasifikasi	:	<b>Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan</b>
	Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>Sokongan</b>
	Jadual Gaji Matrik	:	<b>P1T1 RM 820.38 - P1T24 RM 2151.35</b> <b>P2T1 RM 871.81 - P2T24 RM 2272.50</b> <b>P3T1 RM 924.75 - P3T24 RM 2397.95</b>

**Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - dan (b) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan Bahasa Inggeris dan mengendalikan komputer).**

8.	Jawatan	:	<b>PEMBANTU MUZIUM GRED S17</b>
	Klasifikasi	:	<b>Perkhidmatan Sosial</b>
	Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>Sokongan</b>
	Jadual Gaji Matrik	:	<b>P1T1 RM 820.38 - P1T24 RM 2151.35</b> <b>P2T1 RM 871.81 - P2T24 RM 2272.50</b> <b>P3T1 RM 924.75 - P3T24 RM 2397.95</b>

**Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S17 : P1T1);
  - dan (b) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mendapat kepujian dalam subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains dan Geografi pada peringkat peperiksaan tersebut).**

9.	Jawatan	:	<b>PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17</b>
	Klasifikasi	:	<b>Perkhidmatan Kewangan</b>
	Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>Sokongan</b>
	Jadual Gaji Matrik	:	<b>P1T1 RM 821.89 - P1T24 RM 2152.86</b> <b>P2T1 RM 873.32 - P2T24 RM 2274.01</b> <b>P3T1 RM 926.26 - P3T24 RM 2399.46</b>

#### **Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T2); atau
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T5); atau
    - (iv) sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T9);
- dan
- (b) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (Keutamaan akan diberi kepada calon yang memiliki Sijil Simpan Kira-kira).**

10.	Jawatan	:	<b>PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11</b>
	Klasifikasi	:	<b>Perkhidmatan Keselamatan Dan Pertahanan Awam</b>
	Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>Sokongan</b>
	Jadual Gaji Matrik	:	<b>P1T1 RM 740.62 - P1T21 RM 1714.26</b> <b>P2T1 RM 783.09 - P2T21 RM 1802.40</b> <b>P3T1 RM 827.19 - P3T21 RM 1892.17</b>

#### Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
    - (ii) bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
    - (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
      - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
      - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
      - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
      - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
      - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.
- dan (c) calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c) (i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Kraftangan Malaysia berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, **apabila telah disahkan dalam perkhidmatan** dan:-
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

<b>11.</b>	<b>Jawatan</b>	:	<b>PEKERJA AWAM GRED R1</b>
	<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir</b>
	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Sokongan</b>
	<b>Jadual Gaji Matrik</b>	:	<b>P1T1 RM 647.51 - P1T14 RM 1178.43</b> <b>P2T1 RM 689.98 - P2T14 RM 1242.09</b> <b>P3T1 RM 734.08 - P3T14 RM 1307.38</b>

**Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
  - (ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred R1 : P1T3);
- dan (c) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

<b>12.</b>	<b>Jawatan</b>	:	<b>TUKANG K3 GRED R9</b>
	<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir</b>
	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Sokongan</b>
	<b>Jadual Gaji Matrik</b>	:	<b>P1T1 RM 721.02 - P1T21 RM 1626.04</b> <b>P2T1 RM 763.49 - P2T21 RM 1709.28</b> <b>P3T1 RM 807.59 - P3T21 RM 1794.23</b>

**Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; atau
  - (ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan Bermotor, Operator Loji dan pemandu/Operator Jentera Pemungkah yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
  - (ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawai MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R9 : P1T2);

(d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.  
dan  
**(Keutamaan akan diberi kepada calon dalam bidang Perpaipan atau Elektrik)**

**TARAF JAWATAN : TETAP**

**SYARAT – SYARAT PERMOHONAN**

1. Permohonan jawatan dan syarat permohonan boleh didapati dengan melayari laman web Kementerian Sumber Manusia [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my)

**( TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA 2 OKTOBER 2010 )**

2. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan hendaklah disertakan dengan **Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini** serta **Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri temuduga;**
3. Permohonan yang **lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut semua syarat** di atas akan **ditolak;**
4. Hanya calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temuduga; **dan**
5. Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas enam (06) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **tidak berjaya.**
6. Pihak Pengurusan Kraftangan Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**CARA MEMOHON**

1. Semua permohonan perlu dibuat secara 'on-line' melalui laman web [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my)
2. Calon-calun yang **berjaya disenarai pendek untuk panggilan temuduga** perlu **membawa sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah.**